



**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA DI PUTRAJAYA
(BIDANGKUASA RAYUAN)
[RAYUAN JENAYAH NO: A-09-164-05/2015]**

ANTARA

TEH TEK SOON

... PERAYU

DAN

PENDAKWA RAYA

... RESPONDEN

(Dalam Perkara Mahkamah Tinggi Ipoh Permohonan
Jenayah No. 44-53-10/2014)

CORAM

**RAUS SHARIF, PMR
BALIA YUSOF HJ WAHI, HMR
ALIZATUL KHAIR OSMAN KHAIRUDDIN, HMR**

Latar Belakang dan Fakta Kes

[1] Di dalam kes Permohonan Jenayah No. 44-53-10/2014 Pendakwa Raya telah membuat permohonan bagi dikeluarkan suatu warta di bawah seksyen 61(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) bagi memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta wang tunai berjumlah RM1,095,000.00 milik Song Siew Weng (SSW) yang telah disita supaya hadir di mahkamah untuk menunjuk sebab mengapa harta tersebut tidak boleh dilucuthakan kepada Kerajaan Malaysia.

[2] Harta tersebut telah disita oleh pihak polis pada 12.1.2003 berhubung dengan suatu siasatan jenayah berkaitan kesalahan di bawah seksyen 4(1) Akta 613. Siasatan polis adalah terhadap SSW berhubung dengan kes penipuan terhadap beberapa orang mangsa termasuklah seorang bernama Teh Tek Soon (Perayu) yang merupakan pihak ketiga yang menuntut ke atas harta tersebut.

[3] Perayu di dalam affidavit yang difailkannya bagi membantah pelucuthakan tersebut kepada Kerajaan Malaysia menyatakan beliau adalah mangsa penipuan yang dilakukan oleh SSW dan isterinya. Perayu menuntut sebagai pihak ketiga yang suci hati di mana beliau telah menyerahkan wang berjumlah RM5,180,000.00 secara berperingkat peringkat kepada SSW dan isterinya sebagai modal untuk bekerjasama dengan SSW bagi mendapatkan empat projek daripada Jabatan Parit dan Saliran (JPS). Perayu menyatakan wang tersebut adalah milik beliau hasil dari perniagaan keluarganya dan pinjaman dari saudara mara yang lain. Beliau menjalankan perniagaan kelapa sawit dan mempunyai ladang seluas 1,000 ekar. Beliau seterusnya menyatakan bagi tahun 2008 - 2010 pendapatan bulanannya adalah berjumlah RM6,286,035.00.

[4] Perayu juga telah failkan writ saman terhadap SSW dan isterinya untuk mendapatkan semula wang tersebut. Walau bagaimanapun, beliau telah menarik balik writ saman tersebut apabila mendapat tahu bahawa pihak polis telah menjumpai sejumlah wang tertanam di belakang sebuah rumah yang disewa oleh SSW. Beliau menegaskan wang tersebut adalah miliknya dan telah membuat laporan polis di bawah Akta 613 berhubung dengan penemuan wang tersebut.

[5] Di dalam permohonan pelucuthakan tersebut, Pendakwa Raya menyatakan bahawa wang yang diberikan oleh Perayu kepada SSW dan isterinya adalah wang suapan untuk mendapatkan projek daripada JPS. Melalui pernyataan-pernyataan dari saksi-saksi Pendakwa Raya di dalam affidavit yang difailkan menjelaskan bahawa pihak polis telah menjalankan siasatan ke atas suatu kes penipuan berikutan daripada beberapa aduan yang dibuat termasuklah dari Perayu sendiri. Modus operandi yang digunakan oleh SSW dalam menjalankan kegiatan penipuannya ialah dengan menawarkan perkongsian perniagaan dengan pengadu-pengadu untuk beberapa projek yang kononnya wujud. Pengadu-pengadu kemudiannya dikehendaki menyerahkan atau mendepositkan wang ke dalam akaun SSW.

[6] Hasil siasatan pihak polis telah menemukan wang tunai sejumlah RM1,095,000.00 ditanam di belakang sebuah rumah yang disewa oleh SSW. Sehingga ke hari ini, SSW dan isterinya tidak dapat dikesan dan masih dalam buruan pihak polis.

[7] Mahkamah Tinggi Ipoh telah memutuskan bahawa harta tersebut adalah merupakan hasil daripada aktiviti haram yang dilakukan oleh SSW dan isterinya dalam erti kata Akta 613 dan selanjutnya mendapati Perayu telah gagal membuktikan di atas imbalan keberangkalan bahawa beliau adalah seorang penuntut suci hati yang mempunyai kepentingan ke atas harta yang telah disita tersebut. Permohonan Perayu telah ditolak dan harta yang disita yang merupakan wang tunai berjumlah RM1,095,000.00 tersebut telah dilucuthakan kepada Kerajaan Malaysia.

[8] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, Perayu kini merayu kepada Mahkamah Rayuan.

Rayuan

[9] Pendengaran di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman (PK) Mahkamah Tinggi Ipoh dalam kes ini adalah merupakan suatu prosiding di bawah seksyen 56 Akta 613 yang memperuntukkan seperti berikut:

56. Perlucuthakan harta jika tiada pendakwaan

(1) Tertakluk kepada seksyen 61, jika berkenaan dengan apa-apa harta yang disita di bawah Akta ini tiada pendakwaan atau sabitan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan, Pendakwa Raya boleh, sebelum tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh penyitaan itu, atau jika terdapat suatu perintah pembekuan, dua belas bulan dari tarikh pembekuan itu, memohon kepada seorang hakim Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah pelucuthakan harta itu jika dia berpuas hati bahawa harta itu ialah:-

- (a) hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan kesalahan itu;
- (b) harta pengganas;
- (c) hasil daripada aktiviti haram, atau
- (d) peralatan kesalahan.

(2) Hakim yang kepadanya suatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah membuat suatu perintah bagi pelucuthakan harta itu jika dia berpuas hati:-

(a) bahawa harta itu ialah:-

(i) hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan;

(ii) harta pengganas;

(iii) hasil daripada aktiviti haram; atau

(iv) peralatan kesalahan; dan

(b) bahawa tiada pembelian suci hati dengan balasan berharga berkenaan dengan harta itu.

(3) Apa-apa harta yang telah disita dan berkenaan dengannya tiada permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah, apabila tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh penyitaannya, dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu telah disita.

(4) Dalam menentukan sama ada harta itu ialah:-

(a) hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan;

- (b) harta pengganas;
- (c) hasil daripada aktiviti haram; atau
- (d) peralatan kesalahan, mahkamah hendaklah menggunakan standard pembuktian yang dikehendaki dalam prosiding sivil.

[10] Di dalam rayuan ini Perayu yang merupakan Pihak Ketiga/Penuntut di dalam prosiding pelucuthakan menghujahkan bahawa pihak Pendakwa Raya di dalam prosiding pelucuthakan dan dalam prosiding menunjuk sebab telah menyatakan dua sebab yang berlainan bagi pelucuthakan harta tersebut, iaitu atas alasan mengenai kegiatan penipuan dan kes rasuah. Siasatan yang dijalankan oleh pihak polis adalah mengenai kes penipuan dan ini diakui sendiri oleh saksi-saksi pihak Pendakwa Raya di dalam affidavit yang difailkan.

[11] Hujahan peguam Perayu berpaksi kepada faktor bahawa oleh kerana Perayu adalah seorang mangsa penipuan dan pihak polis juga telah mengakui bahawa kes yang disiasat adalah berkenaan kes penipuan maka beliau adalah merupakan seorang “innocent victim” dan dengan demikian berhak menuntut kembali wang yang telah diberikannya kepada SSW.

[12] Peguam Perayu juga menghujahkan tujuan Perayu memberikan wang berjumlah RM5,180,000.00 tersebut kepada SSW seperti mengikut kata laporan polisnya ialah bagi maksud melobi dan bukannya untuk tujuan rasuah. Perayu tiada pengetahuan bahawa wang tersebut adalah bagi tujuan rasuah atau untuk merasuah.

[13] Pihak Pendakwa Raya sebaliknya menghujahkan bahawa Perayu di dalam laporan polisnya sendiri menyatakan bahawa wang yang diberikan adalah merupakan wang pendahuluan untuk melobi jabatan-jabatan berkenaan bagi memastikan bahawa projek-projek JPS akan diberikan kepada SSW. Perayu juga menyatakan di dalam laporan polisnya bahawa pembayaran kepada pihak-pihak yang tertentu yang dibuat oleh SSW adalah di dilakukan secara sulit. Ini menunjukkan bahawa Perayu mempunyai pengetahuan tentang perkara sebenar dan telah gagal untuk membuktikan bahawa beliau telah tidak dengan sukarela mengizinkan penggunaan menyalahi undang-undang harta tersebut. Ini juga menunjukkan tiadanya ketelusan mengenai maksud sebenar pembayaran dan kegunaan wang tersebut.

[14] PK di dalam penghakimannya telah memutuskan bahawa Perayu telah gagal menunjukkan bahawa beliau jahil, tanpa niat dan tidak mengetahui sama sekali bahawa wang tersebut akan digunakan untuk tujuan yang salah (muka surat 22 Rekod Rayuan Jld.1).

[15] Kami mendapati bahawa dilihat secara objektifnya dari keseluruhan fakta dan keadaan kes ini, PK telah membuat dapatan yang tepat apabila beliau memutuskan bahawa isu yang perlu diputuskan di dalam permohonan Perayu adalah sama ada Perayu telah berjaya membuktikan di atas ujian keberangkalan kelayakan beliau sebagai orang yang suci hati menuntut harta tersebut di bawah peruntukan seksyen 61(4)(a) hingga (e) Akta 613.

[16] Seksyen 61(4) Akta 613 berbunyi:

- (4) Mahkamah atau agensi penguat kuasa hendaklah memulangkan harta itu kepada pihak yang menuntut apabila ia berpuas hati bahawa:-
- (a) pihak yang menuntut itu mempunyai suatu kepentingan sah di sisi undang-undang mengenai harta itu;
 - (b) tiada pengambilan bahagian, pakatan sulit atau penglibatan berkenaan dengan kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau bahagian IVA atau kesalahan membiayai keganasan yang menjadi tujuan prosiding itu boleh dikaitkan dengan pihak yang menuntut itu;
 - (c) pihak yang menuntut itu tidak tahu dan jahil tanpa niat tentang penggunaan menyalahi undang-undang harta itu, atau jika dia tahu, tidak dengan sujkarela mengizinkan penggunaan menyalahi undangundang harta itu;
 - (d) pihak yang menuntut itu tidak memperoleh apa-apa hak mengenai harta itu daripada seorang yang tindakan diambil terhadapnya di bawah hal keadaan yang menimbulkan kesimpulan yang munasabah bahawa apa-apa hak telah dipindahkan hakmilik bagi maksud mengelakkan pelucuthakan harta itu pada akhirnya kemudiannya; dan

- (e) pihak menuntut itu telah melakukan segala yang semunasabahnya dapat dijangkakan untuk menghalang penggunaan menyalahi undang-undang harta itu.

[17] Mengikut peruntukan di atas, adalah jelas bahawa mahkamah akan hanya memulangkan harta tersebut kepada Perayu apabila mahkamah berpuas hati bahawa Perayu telah berjaya memenuhi kesemua kehendak di dalam peruntukan tersebut. Peruntukan subseksyen 4 (a) hingga (e) hendaklah dibaca secara “conjunctively”. PK di dalam alasan penghakimannya telah merujuk kepada dua kes yang lain di mana pendekatan yang sama adalah terpakai. (*PP v. Raja Noor Asma Raja Harun* [2013] 5 CLJ 656 dan *Pendakwa Raya v. Lau Kwai Thong*, Mahkamah Tinggi Shah Alam Permohonan Jenayah No. 44-20-2008)

[18] Secara khususnya, PK telah mendapati bahawa Perayu telah di atasimbangan keberangkalian gagal untuk membuktikan bahawa beliau tidak tahu dan jahil tanpa niat tentang penggunaan menyalahi undangundang harta tersebut iaitu wang yang diberikannya itu kepada SSW. Kami berpandangan dapatan PK tersebut adalah bertepatan dengan peruntukan di bawah seksyen 61(4)(c) Akta 613.

[19] Perayu sendiri sedar dan tahu bahawa wang tersebut adalah untuk tujuan melobi untuk mendapatkan projek-projek dari JPS seperti yang dikatakannya sendiri di dalam laporan polis yang dibuatnya dan dikemukakan sebagai salah satu ekshibit di dalam affidavit bagi menyokong permohonannya. Kami telah meneliti laporan polis berkenaan dan bersetuju bahawa Perayu mengakui bayaran untuk melobi adalah bagi

mendapatkan projek berjuta-juta ringgit daripada JPS. Memberi imbuhan untuk melobi bagi mendapatkan projek dari jabatan kerajaan adalah perbuatan yang merupakan “kesalahan berat” di bawah Jadual Kedua Akta 613.

[20] Kami juga mendapati dapatan mahkamah tentang terdapatnya “lack of good faith” di pihak Perayu yang dibuat secara inferen oleh PK berlandaskan kepada peruntukan seksyen 61(3) adalah bertepatan. Peruntukan tersebut berbunyi:

“61(3). ketiadaan suci hati pada pihak ketiga boleh disimpulkan oleh mahkamah atau sesuatu agensi penguatkuasa daripada hal keadaan objektif hal itu.”

[21] Merujuk kepada hal keadaan kes ini pada keseluruhannya secara objektif, inferen yang dibuat oleh PK tersebut adalah wajar.

[22] Kami memetik dan bersetuju dengan kesimpulan yang dibuat oleh PK di dalam alasan penghakimannya pada perenggan 23 yang menyatakan:

“[23] Adalah jelas bahawa sebenarnya Penuntut tahu wang tersebut adalah bertujuan untuk merasuah pihak-pihak yang berkenaan. Tujuan wang itu sebenarnya adalah salah di sisi undang-undang. Apabila Penuntut mengatakan beliau telah menjadi mangsa penipuan Responden Pertama, Penuntut sebenarnya telah gagal menunjukkan bahawa beliau jahil tanpa niat dan tidak mengetahui sama sekali bahawa wang tersebut akan digunakan untuk tujuan

yang salah sejak dari permulaan lagi. Tiada penjelasan yang diberikan oleh Responden Pertama mengenai apakah projek JPS tersebut sebenarnya dan Penuntut dikatakan hanya percaya kepada Responden Pertama. Wang yang diberikan adalah dalam jumlah yang besar. Menurut keterangan Penuntut di Mahkamah ini, jumlah wang yang diberikan kepada Responden Pertama adalah RM2.495 juta. Adalah sukar untuk Mahkamah ini untuk mempercayai bahawa Penuntut secara jujurnya tidak mengetahui tujuan salah wang tersebut sejak dari permulaan wang diberikan kepada Responden Pertama dan Kedua kerana terdapat percanggahan di antara keterangan Penuntut di Mahkamah dengan laporan polis yang telah dibuatnya di dalam TTS-8. Di dalam keterangannya di Mahkamah, Penuntut menyatakan bahawa wang yang diberikan kepada Responden Pertama adalah sebagai modal sedangkan di dalam aduan/laporan polis beliau, penuntut telah menyatakan bahawa Responden Pertama memberitahunya bahawa untuk mendapatkan projek-projek daripada JPS, Responden Pertama harus membayar wang pendahuluan untuk melobi Jabatan-Jabatan berkenaan. Pembayaran wang tersebut dikatakan adalah untuk memastikan bahawa projek-projek JPS diberikan kepada Responden Pertama. Keterangan Penuntut apabila dinilai secara objektif gagal menunjukkan bahawa beliau tidak dengan sukarela mengizinkan atau tidak tahu bahawa wang tersebut akan digunakan untuk tujuan menyalahi undang-undang.”

[23] Kami sebulat suara menolak rayuan Perayu dan mengesahkan keputusan yang dibuat oleh PK menolak permohonan Perayu.

(BALIA YUSOF HJ WAHI)
Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia

BERTARIKH: 30 DISEMBER 2015

Kaunsel:

*Bagi pihak perayu - M Manoharan, Lily Chua & Francis Sinnapan;
T/n M Manoharan & Co*

*Bagi pihak responden - Anslem Charles Fernandis & Nur Ashikin
Mokhtar, Timbalan Pendakwa Raya; Jabatan Peguam Negara
Malaysia*

Kes-kes yang driujuk:

PP v. Raja Noor Asma Raja Harun [2013] 5 CLJ 656

*Pendakwa Raya v. Lau Kwai Thong, (Mahkamah Tinggi Shah Alam
Permohonan Jenayah No. 44-20-2008)*

Perundangan yang dirujuk:

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613), s. 61(2), (4)(a) - (e), Jadual Kedua